

Headline	Arwah ayah pesan jaga rumah, ibu dengan baik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	357 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,259
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,777



'Arwah ayah pesan jaga rumah, ibu dengan baik'

Bandar Seri Jempol: "Pada malam sebelum arwah meninggal dunia, dia berpesan jika tiada lagi, jagalah rumah dengan baik," kata Noriah Samah.

Suaminya, Abdullah Kanchil, 56, meninggal dunia akibat sakit jantung di Muzdalifah pada 12 September lalu dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Syara'ek, Makkah.

Suri rumah itu berkata, dia mengejutkan Allahyarham untuk bangun menunaikan solat sunat pada awal pagi itu, namun mendapati keadaan badannya sejuk dan sudah meninggal dunia.

Jadi tukang masak

"Dia bukan sahaja seorang suami yang baik, malah disenangi penduduk FELDA Palong 7 kerana turut menjadi tukang masak," katanya.

Noriah berkata demikian ketika ditemui selepas dikunjungi oleh Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji (TH), Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin, di rumahnya di Felda itu, semalam.

Anak bongsu Allahyarham, Mohamad Saiful, 26, pula berkata bapanya sangat gembira kerana dapat menunaikan haji pada tahun ini, iaitu selepas lima tahun menunggu giliran untuk ke sana.

Ketika berangkat untuk menunaikan haji pada 6 Ogos lalu, katanya, Allahyarham sempat berpesan supaya anak-anak menjaga ibu dan rumah dengan baik jika sesuatu berlaku kepada dirinya.

"Arwah memang selalu berkata begitu, tetapi tidak sangka pesanan ketika menghantarnya di Kompleks TH Kelana Jaya, Selangor, adalah kali terakhir," katanya.



Headline	Arwah ayah pesan jaga rumah, ibu dengan baik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	357 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,259
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,777



Abdul Shukur menyampaikan sumbangan kepada Nasrol Ridzwan di rumah keluarga di FELDA Palong Tujuh.



Mohamad Saiful bersama Noriah melihat gambar terakhir bersama allahyarham sebelum berlepas menunaikan haji.



Abdullah Kanchil